

24/04/2003

MIC minta tambah kerusi

ALOR GAJAH: MIC mahukan lebih banyak kerusi pada pilihan raya umum akan datang dengan bertambahnya kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) berikutan persempadanan semula kawasan pilihan raya.

Presidennya, Datuk Seri S Samy Vellu berharap Barisan Nasional (BN) dapat mengagihkannya secara adil dan tidak mengabaikan MIC dalam pengagihan kerusi berkenaan.

"Pada 1995, MIC turut diberi tambahan kerusi untuk ditandingi dan kali ini kita berharap mendapat tambahan kerusi dalam pilihan raya umum akan datang.

"Saya tidak boleh menyatakan berapa banyak kerusi yang MIC mahu kerana saya perlu berbincang dengan pengerusi Barisan Nasional (BN) yang juga Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen MIC Melaka di A' Famosa Resort, di sini, malam kelmarin.

Parlimen baru-baru ini meluluskan 25 kerusi tambahan bagi kawasan Parlimen dan 63 kerusi bagi Dewan Undangan Negeri.

Semenanjung Malaysia memperoleh tambahan 20 kerusi Parlimen dan 51 kerusi DUN.

Daripada jumlah kerusi Parlimen, Pulau Pinang memperoleh dua kerusi, Perak, Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan dan Melaka masing-masing satu, Pahang (tiga), Selangor (lima) dan Johor (enam).

Manakala kerusi DUN bagi Kelantan ialah dua kerusi, Pulau Pinang (tujuh), Perak (tujuh), Pahang (empat), Selangor (lapan), Negeri Sembilan (empat), Melaka (tiga) dan Johor (16).

Di Sabah, lima kerusi bagi Parlimen dan 12 kerusi DUN.

Sehubungan itu, Samy Vellu yang juga Menteri Kerja Raya, berkata MIC telah mengenal pasti muka baru yang berpotensi untuk dicalonkan pada pilihan raya umum kelak.

Beliau yakin BN masih menjadi pilihan rakyat dan sekali gus memenangi pilihan raya umum itu.

"MIC akan memastikan BN mendapat sokongan 90 peratus pengundi India berbanding 85 peratus pada pilihan raya umum 1999," katanya.

Di KUALA LUMPUR, Samy Vellu berkata, kerajaan sedia berbincang dengan Perdana Menteri India, Atal Behari Vajpayee berhubung tindakan negara itu menggantung pemberian hak penerbangan baru kepada Penerbangan Malaysia (MAS).

Beliau yang juga Menteri Kerja raya berkata, isu itu dibincangkan Kabinet semalam dan beliau diminta mendapatkan maklumat lanjut mengenainya.

"Sebagai permulaan, saya sudah menghubungi Pesuruhjaya Tinggi India ke Malaysia, Veena Sikri dan beliau memberi jaminan akan menghubungi kerajaannya untuk mendapatkan maklum balas berhubung isu hak pendaratan ini.

"Saya akan maklumkan kepada Kabinet mengenai maklum balas daripada Veena Sikri supaya jemaah menteri dapat memutuskan tindakan susulan," katanya pada sidang media sebelum merasmikan Konvensyen Pemuda dan Wanita MIC Wilayah Persekutuan Ke-18 di sini